

17/10/2001

Agenda media Barat burukkan imej negara

MENGIKUT falsafah perhubungan awam, sebarang bentuk publisiti adalah dialu-alukan sekalipun berunsur negatif. Namun, adalah sesuatu yang amat malang buat Malaysia yang sering saja diperburukkan dalam agenda pihak tertentu ketika serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Afghanistan terus mengundang bantahan di merata pelosok dunia. Tidak cukup dengan tuduhan yang diada-adakan tanpa berlandaskan bukti, kenyataan pemimpin negara ini kerap diputarbelitkan. Bukan sekali dua ia berlaku, sebaliknya kekerapannya sekadar menggambarkan ia adalah hasil usaha terancang agar Malaysia kekal dipandang serong oleh masyarakat antarabangsa amnya.

Apa saja daripada tuduhan kononnya negara ini turut melindungi pegganas hinggalah kepada penyebaran spora penyakit antraks yang disasarkan kepada rakyat Amerika, negara ini tidak ketinggalan dikaitkan. Andainya Presiden George W Bush mengakui kehairanan dengan `kebencian' kalangan tertentu terhadap negaranya sekalipun sebab-sebabnya adalah jelas, maka api permusuhan yang cuba dimarakkan terhadap Malaysia harus mengundang kejutan lebih besar. Keadaannya seolah-olah tiada apa yang betul yang dilakukan negara ini - baik ketika ia bersuara mahupun ketika berdiam diri. Ia bukanlah bentuk publisiti yang diharapkan Malaysia tetapi jelas ada pihak-pihak yang berpandangan itulah yang selayaknya diterima negara ini.

Ketika bara daripada runtuhannya Pusat Dagangan Dunia (WTC), New York dan sebahagian Pentagon di Washington belum pun padam, Biro Siasatan Persekutuan (FBI) tanpa berlengah mengumumkan beberapa orang yang disyaki terbabit dalam serangan 11 September itu pernah berada di Malaysia. Seterusnya, ketika Amerika memulakan langkah membekukan akaun bank yang berkaitan dengan pertubuhan Al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden, Malaysia turut didakwa ada dalam senarai mereka. Terbaru, ketika siasatan belum pun dimuktamadkan, kesimpulan sudah dibuat bagi menggambarkan sepucuk surat yang dikembalikan kepada pejabat cawangan Microsoft Licensing Inc di Reno, Nevada, Amerika Syarikat dibunuh bakteria antraks ketika di Malaysia.

Malaysia, sebagai sebuah negara yang membuka luas pintunya kepada kedatangan pelawat asing, tidak pernah menafikan kemungkinan turut dikunjungi pegganas. Demikian juga surat mengandungi bendasing, termasuk bakteria pembunuh sekalipun, yang barangkali bersumberkan pihak tertentu di negara ini. Dalam pada itu, adalah amat tidak adil untuk melemparkan apa saja tuduhan tanpa bukti, apatah lagi pihak-pihak yang mendakwa mempunyai maklumat enggan pula berkongsi apa yang mereka ketahui bagi membantu siasatan lebih terperinci. Begitupun, kemungkinan ia tidak langsung mempunyai kaitan dengan negara ini tidak juga boleh diketepikan sama sekali.

Namun, kita melihat usaha memperburukkan Malaysia ini lebih berkaitan dengan agenda media Barat - baik stesen televisyen, agensi berita, akhbar mahupun majalah berkala - berbanding pihak berkuasa di Amerika sendiri. Selama ini pun, The Asian Wall Street Journal, International Herald Tribune, Far Eastern Economic Review dan Asiaweek, antaranya hanya berminat memomokkan Malaysia daripada menjelaskan fakta sebenar. Malah, demikianlah angkuhnya penerbitan berkenaan sehingga Associated Press (AP) yang baru-baru ini jelas memutarbelitkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, enggan memohon maaf. Barangkali ia harus menjadi iktibar untuk Malaysia mencontohi Singapura yang enggan berlembut dengan media seperti ini kerana adalah jelas mereka tidak akan menghargai

sebarang kebaikan yang diberikan.

(END)